



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KPN ANJUR PERTANDINGAN MELUKIS MURAL NEGARA BANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

PUTRAJAYA, 26 Februari – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui Arkib Negara Malaysia (ANM) menganjurkan **Pertandingan Mural Negara Bangsa Peringkat Kebangsaan 2026**. Pertandingan ini dibuka bermula pada **23 Februari sehingga 28 Jun 2026**.

Tema "**Bersama Membina Negara Bangsa**" telah dipilih bagi tahun 2026 selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI melalui Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) yang turut mengangkat pembinaan negara bangsa sebagai salah satu tonggak utama pembangunan rakyat dan negara. Negara bangsa amat penting untuk Malaysia pada masa kini kerana ia menjadi **asas kepada iaitu keamanan, perpaduan, kestabilan, dan keharmonian sebuah negara yang majmuk**.

Pertandingan ini terbuka kepada **semua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan dan Swasta** yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan. Pelbagai hadiah menarik disediakan kepada para pemenang di samping sijil penyertaan turut diberikan kepada para peserta pertandingan. Pertandingan ini adalah **sebahagian usaha untuk meningkatkan semangat kenegaraan dalam kalangan generasi muda terutamanya pelajar sekolah**.

Para peserta yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai pertandingan ini boleh dilayari laman media sosial rasmi Arkib Negara Malaysia atau imbas pada kod yang tertera di poster yang disertakan.

Kementerian Perpaduan Negara

26 Februari 2026

KPN.100-9/1/16 (14)



UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
ARKIB NEGARA MALAYSIA

PERTANDINGAN MELUKIS MURAL NEGARA BANGSA

PERINGKAT KEBANGSAAN 2026

23 FEBRUARI – 28 JUN 2026

Terbuka kepada semua Sekolah Menengah Kerajaan dan Swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan.

Jom Semua!

BORANG PENYERTAAN DAN KRITERIA
PERTANDINGAN MELUKIS MURAL
NEGARA BANGSA PERINGKAT
KEBANGSAAN TAHUN 2026

HADIAH MENARIK DISEDIAKAN
SIJIL PENYERTAAN DIBERIKAN

Penaja Utama: **KANSAI PAINT**
Rakan Strategik: **Kementerian Pendidikan**

BERSAMA MEMEREA NEGARA BANGSA
MALAYSIA MADANI
Malaysia Truly Asia